

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (80)
Tarikh : 1 Disember 2014

**Ketua Pengarang
Thina Kural**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR THINA KURAL BERTAJUK "RAMBUT SEMUA TELAH BERUBAN. MINDA PEGAWAI JPN BENTONG MASIH SAMA" BERTARIKH 28 NOVEMBER 2014, JUMAAT – M.S: 4

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Subramaniam A/L Andy berkenaan yang masih belum memperolehi kewarganegaraan Malaysia.

3. Hasil semakan mendapati Encik Subramaniam A/L Andy telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun permohonan beliau tidak berjaya dan telah dimaklumkan melalui surat.

4. Jabatan ini ingin menjelaskan bahawa memenuhi kesemua syarat – syarat tersebut adalah hanya bagi melayakkan permohonan taraf kewarganegaraan dibuat. Ianya bukanlah bermakna permohonan tersebut mesti diluluskan. Penganugerahan status kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan yang hanya diberikan kepada mereka yang benar – benar layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang – undang. Sehubungan dengan itu, keputusan berkaitannya adalah tidak wajar dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)